



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

BAJET 2023: KPLB MOHON PERUNTUKAN UNTUK WUJUDKAN KELAS PINTAR TABIKA KEMAS

KPLB.100-2/1/6 JLD.3 (44)

PUTRAJAYA, 26 Sept - Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) akan memohon peruntukan menerusi Bajet 2023 bagi menjadikan Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sebagai kelas pintar.

Menurut Menteri, Datuk Seri Mahdzir Khalid, KPLB merancang sekurang-kurangnya 10 peratus daripada 11 ribu buah Tabika KEMAS dilengkapi peralatan digital.

"Insya Allah kita fight juga bajet (Bajet 2023) untuk KEMAS bagi memulakan sekolah di bilik KEMAS ini dengan dipanggil 'smart classroom' dengan sekurang-kurangnya dimulakan dengan 800 kelas pintar".

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Tiga Tahunan Kesatuan Kakitangan KEMAS Semenanjung Malaysia (KESATERIA) Ke-2 di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Pengarah KEMAS, Ahmad Kamal Idris Mohd Nawawi dan Presiden CUEPACS, Datuk Adnan Mat.

Jelas Mahdzir, elemen pendigitalan dalam pendidikan awal kanak-kanak amat penting ketika ini dan tidak boleh lagi bergantung sepenuhnya kepada cara pengajaran lama.

Mesyuarat Agung KESATERIA yang diadakan setiap tiga tahun sekali itu dihadiri lebih 300 perwakilan dan pemerhati dari 12 cawangan di seluruh Semenanjung Malaysia.

-Tamat –

#KeluargaMalaysia

#LuarBandarSejahtera

DATUK SERI MAHDZIR KHALID

MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

26 SEPTEMBER 2022

Unit Komunikasi Korporat. | Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: ukk@rurallink.gov.my



www.rurallink.gov.my



Kementerian Pembangunan Luar Bandar



[kplb_gov](https://twitter.com/kplb_gov)



[kplb_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)



[KPLB_GOV Official](https://www.youtube.com/channel/UC...)